



NIOSH CERTIFICATION SDN BHD (641222-K)
(A wholly owned subsidiary of NIOSH, Ministry of Human Resources)
7th Floor, NIOSH Tower
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15
43650 Bandar Baru Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03 - 8922 1925
Faks : 03 - 8926 7682
www.nioshcrt.com.my

Ruj. : **NCSB/MSC/321/LKSB19/STKC**
Date : **03 September 2019**
U.P : **Semua pihak yang berkepentingan**

Tuan / Puan,

UNDANGAN MEMBERI MAKLUMBALAS TERHADAP PENSIJILAN MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO) KEPADA LEKAYA SDN BHD

NIOSH Certification merupakan badan pensijilan yang menjalankan aktiviti audit bagi pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Standard MS 2530-3:2013 terhadap ladang kelapa sawit **Lekaya Sdn Bhd** beralamat seperti berikut:

1. LEKAYA SDN BHD & LEKAYA II ESTATE

A112, Jalan SMK Agaseh,
91100 Lahad Datu, Sabah

Pensijilan MSPO merupakan satu pengiktirafan pengeluaran minyak sawit mampan yang memberi faedah terhadap industri iminyak sawit di Malaysia. Elemen yang ditekankan meliputi aspek – aspek berikut:

- a. Pematuhan perundangan
- b. Perlindungan alam sekitar
- c. Pemuliharaan biodiversiti
- d. Tanggungjawab dan komitmen pihak pengurusan
- e. Tanggungjawab sosial, keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- f. Pembangunan komuniti setempat

Bagi memenuhi proses pensijilan, audit pematuhan akan dilaksanakan ke atas **Lekaya Sdn Bhd** pada **13&14 September 2019**. Oleh itu, NIOSH Certification menjemput semua pihak berkepentingan terhadap **Lekaya Sdn Bhd** yang terdiri daripada agensi dan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan, pekerja - pekerja, pemimpin masyarakat dan masyarakat setempat untuk memberi sebarang maklumbalas atau komen bertulis terhadap aktiviti **Lekaya Sdn Bhd** berdasarkan aspek di atas.

Maklumbalas dan komen daripada pihak tuan/puan boleh disalurkan pada sesi audit pematuhan yang dijadualkan pada **13&14 September 2019** atau melalui surat / emel ke khairul.faris@nioshcrt.com.my dan faks di talian 03 – 8926 7682. Semua maklumbalas dan komen yang diterima akan dipertimbangkan dan dibincangkan bersama pihak **Lekaya Sdn Bhd** semasa sesi audit agar memberi impak positif terhadap pensijilan MSPO organisasi tersebut. Untuk makluman, segala butiran yang diberikan adalah sulit dan akan dirahsiakan. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

ASIAH NASUTION SUHAIMI
Pengurus Pensijilan

Accredited Certification Body



OSH 29032011 CB 04
MSPO 30052018 CB 10



EMS 03122013 CB 10
QS 29012017 CB 04
FSMS 04122016 CB 07

